

MENDEPANI CABARAN KOS SARA HIDUP MENERUSI KERANGKA MADANI

Kos sara hidup merupakan isu yang sering berlegar dalam kalangan masyarakat. Saban hari, dunia massa diputarakan dengan keluhan pelbagai golongan terutamanya kumpulan yang berpendapatan rendah yang sering meluahkan cabaran mereka dalam kehidupan seharian.

Hal ini selaras dengan konsep keluarga sejahtera, iaitu kepentingan untuk mempunyai sumber kewangan yang memadai bagi membiayai bukan sekadar keperluan asas, malah dapat melibatkan diri dalam kehidupan sosial bermasyarakat.

Berdasarkan laporan kajian bertajuk Belanjawanku yang diterbitkan Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) dengan kerjasama Pusat Penyelidikan Kesejahteraan Sosial (Universiti Malaya) pada tahun 2019, isi rumah di Lembah Klang dengan dua orang anak sebagai contoh, memerlukan sebanyak RM6620 bagi pelbagai keperluan serta memenuhi kehendak minimum, iaitu RM1550 perbelanjaan adalah untuk makanan; diikuti tempat tinggal (RM870); kesihatan (RM120); pengangkutan (RM1040); utiliti (RM310); penjagaan anak (RM1150); simpanan (RM400); penjagaan diri (RM140); perbelanjaan khusus (RM400); penglibatan sosial (RM250) serta perbelanjaan pilihan (RM390).

Pendekatan sedia ada untuk mendepani cabaran kos sara hidup mungkin sudah tidak berkesan kepada kumpulan rentan. Acap kali kita disoroti dengan kepentingan untuk menjimatkan perbelanjaan keluarga seperti membawa bekal daripada rumah, mengutamakan pemilihan barangan keperluan yang menjimatkan serta mengekang hasrat ahli keluarga untuk bergembira, atas kekangan kos sara hidup. Sebenarnya, cabaran ini boleh dijadikan sebagai satu motivasi bukan sahaja kepada kumpulan rentan yang terkeasan, malah kepada semua golongan untuk memastikan peningkatan kos sara hidup dapat ditangani dengan menggunakan pendekatan serampang dua mata, atau sambil menyelam minum air.

Kemajuan yang tergendala akibat penangan wabak COVID-19 ternyata telah mengubah pandangan global tentang kaedah untuk menyelami kenyataan dunia normal baharu. Walau bagaimanapun, pendekatan ini haruslah mengekalkan nilai tradisi sedia ada supaya acuan yang

diamalkan nanti bersesuaian dengan penerimaan semasa masyarakat. Dalam konteks kos sara hidup, pendekatan yang perlu dilaksanakan di negara ini sudah tentu berbeza daripada pendekatan yang perlu dilaksanakan di negara berpendapatan tinggi. Sebagai contoh, pendekatan sepegi yang diamalkan oleh Amerika Syarikat at United Kingdom, sudah pasti tidak sesuai dilaksanakan di negara dengan iklim yang berbeza daripada Malaysia, contohnya benua Afrika.

Maka demikian, kerangka dasar MADANI difikirkan sesuai untuk dijadikan ikhtiar sebagai satu daripada kaedah dalam mendepani cabaran kos hidup semasa. Umumnya, konsep Malaysia Madani dilaksanakan menerusi pendekatan Rahmah oleh semua agensi kerajaan berkaitan.

Dalam hal ini, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) telah memulakan beberapa inisiatif Payung Rahmah bagi mengurangkan beban kos sara hidup golongan berpendapatan rendah (B40) dan miskin tegar. Secara umumnya dalam jangka pendek, program tersebut membabitkan empat elemen utama, iaitu Bakul Rahmah (bantuan makanan bulanan; Kafe Rahmah (bantuan makanan pelajar universiti), Jualan Murah Rahmah dan Barangan Rahmah dengan harga barangan asas yang lebih rendah, di samping Menu Rahmah yang dilancarkan KPDN

sejak Januari 2023. Selain itu, inisiatif Sumbangan Tunai Rahmah (STR) turut dilaksanakan oleh kerajaan. Pembayaran STR Fasa 1 kepada 8.7 juta golongan B40 bernilai RM1.67 bilion telah disalurkan secara berperingkat mulai 17 Januari 2023. Penyaluran ini dilaksanakan sama ada dengan dikreditkan ke dalam akaun pangkalan data STR atau secara tunai di Cawangan Bank Simpanan Nasional bagi penerima STR yang tiada akaun bank.

Selaras dengan pembentangan Belanjawan 2023 pada 24 Februari 2023, sejumlah peruntukan juga telah disalurkan oleh kerajaan bagi memastikan kesejahteraan rakyat dalam mendepani cabaran kos hidup semasa, antaranya kawalan harga barang, subsidi barangan keperluan terpilih, bantuan kewangan serta memberikan perkhidmatan kepada rakyat terbanyak. Konsep Madani bukan sahaja terhad kepada penyelesaian jangka pendek untuk menangani kos sara hidup, malah juga dapat dijadikan panduan sebagai kerangka penyelesaian jangka panjang yang ampuh.

Aspek kemampunan dalam konteks Madani secara dasarnya memfokuskan fokus kepada keperluan semasa yang dapat dipenuhi tanpa memperjudikan generasi masa hadapan untuk memenuhi keperluan mereka pula. Dari sudut kos sara hidup, pendekatan kemampunan ini bermaksud menyediakan alternatif kepada keperluan mendesak masyarakat terutamanya makanan, tempat tinggal dan pengangkutan tanpa sebarang kesan sampingan pada masa hadapan. Sebagai contoh, inisiatif untuk meningkatkan kapasiti pengeluaran bahan makanan tempatan sewajarnya tidak menatijahkan kerja menggondolkan hutan simpan hanya semata-mata untuk menjadikan kawasan tersebut sebagai pusat pengeluaran pertanian baharu, tanpa pertimbangan dan analisis kos-faedah sewajarnya.

Kesejahteraan dalam konteks MADANI merujuk pertumbuhan inklusif dan saksama yang ditunjangi oleh sistem kewangan dan percaian adil serta perkongsian risiko dalam persekitaran sesebuah ekosistem. Hal ini dapat dijelaskan menerusi kerangka kos sara hidup yang sebenarnya menjurus kepada pelbagai aspek kerana seperti dimaklumi, kos sara hidup bermaksud perbelanjaan bagi keperluan utama, iaitu makanan dan minuman, perumahan, pengangkutan, pendidikan, kesihatan dan juga utiliti. Sebagai contoh, ketersediaan bahan mentah pada harga munasabah, pembiayaan perumahan berkonsepkan

Rahmah dengan kerjasama pihak bank, tambang pengangkutan awam yang munasabah dengan kerjasama penyedia pengangkutan, pendidikan berkualiti dengan kos berpatutan merangkumi dari prasekolah hingga ke peringkat universiti, pakej kad perubatan, takaful atau hibah berkonsepkan Rahmah serta pakej khas pelbagai kategori berkaitan dengan utiliti dalam kehidupan seharian.

Antara faktor utama yang menghambat kos sara hidup adalah berkaitan dengan kos bahan mentah. Dalam jangka pendek, pemberian subsidi terpilih bagi bahan mentah telah membantu menyederhanakan tekanan inflasi seterusnya kos sara hidup. Namun begitu, langkah ini mungkin tidak berkesan dalam jangka masa sederhana dan panjang disebabkan kos perniagaan yang tidak dapat dielakkan antaranya, termasuklah peningkatkan bayaran sewa seperti dalam perjanjian sewaan serta kenaikan am tahunan gaji para pekerja. Justeru, produktiviti pengeluaran yang melibatkan daya cipta atau inovasi perlu diberi perhatian bagi memastikan pengeluaran mempunyai keupayaan dan daya saing untuk menghasilkan produk mereka dalam pasaran tempatan, sekali gus membantu menstabilkan penawaran untuk memenuhi permintaan yang telah meningkat susulan pembukaan ekonomi pasca COVID-19. Sudah pasti, daya cipta yang berkaitan dengan makanan adalah lebih baik sekiranya dapat dihasilkan dalam negara kita sendiri, sebagai contoh makanan jagung kepada ternakan ayam atau bahan turapan jalan yang diperbuat daripada getah tempatan.

Selain daripada teknologi dan modal, tenaga buruh juga merupakan faktor utama dalam pertumbuhan ekonomi. Oleh itu, sikap hormat yang seharusnya tertanam dalam keperibadian manusia perlu sentiasa mekar. Hormat ini bukan sekadar menjaga tatasusila, namun boleh diperluas kepada menjaga nilai dan integriti sesebuah organisasi, contohnya menolak unsur rasuah. Sudah banyak inisiatif yang dilaksanakan untuk mengurangkan kos sara hidup antaranya termasuklah penghasilan makanan dalam negara, projek perumahan awam percuma atau bersubsidi, serta langkah untuk meningkatkan pendapatan rakyat menerusi latihan dan kemahiran. Malangnya, terdapat segelintir pihak yang terlibat dalam program seperti ini telah menyalahgunakan manfaat program tersebut demi kepentingan mereka sendiri seperti membuat tuntutan palsu, atau pemilihan peserta hanya sekadar tangkap muat sebagai syarat program telah

dijalankan. Akhirnya, perbelanjaan yang tinggi telah dikeluarkan oleh kerajaan, namun tidak mendapat pulangan yang berkesan dalam pengurangan kos sara hidup disebabkan oleh ketirisan yang berlaku.

Keyakinan bermaksud komitmen yang perlu diterjemahkan untuk memartabatkan semula ketelusan dan menampilkan rasa percaya rakyat terhadap Kerajaan bagi memastikan pembangunan negara yang berterusan. Antara prinsipnya, termasuklah ekosistem tadbir urus yang baik, tata kelola rangka perundangan yang cemerlang serta mempergiat libat urus bersama pihak berkepentingan terutamanya rakyat dan Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO). Dalam konteks kos sara hidup, kerajaan tidak akan sewenang-wenangnya melaksanakan sesuatu inisiatif tanpa mendapatkan pandangan daripada pihak yang berkaitan atau kumpulan sasar terlebih dahulu.

Ekonomi tanpa melibatkan unsur kemanusiaan ibarat robot yang berada di kilang. Oleh itu, sifat ihsan dengan menekankan supaya masyarakat Malaysia terlibat dalam pembentukan kumpulan yang mempunyai tanggungjawab sosial terhadap insan lain. Ihsan dalam mendepani cabaran kos sara hidup bermaksud amalan tanggungjawab sosial korporat, NGO atau individu untuk membantu kumpulan yang terjejas menerusi pemberian bantuan makanan atau keperluan asas. Tidak ada sebarang ganjaran utama yang dihadiahkan kepada penyumbang, namun atas nama unsur kemanusiaan atau dari sudut Islam, konsep pahala yang dijanjikan pulangan berganda menerusi kebaikan yang dibuat.

Sekiranya konsep Madani dilaksanakan dengan baik, hal ini dapat membantu masyarakat untuk mendepani cabaran kos sara hidup semasa. Sudah pasti, dalam jangka sederhana dan panjang, penurunan harga barangan dan perkhidmatan yang berterusan bukanlah sesuatu perkara yang baik. Oleh hal yang demikian, kerangka MADANI merupakan konsep menyeluruh yang telah menggariskan kerangka untuk menangani kos sara hidup terutamanya dalam aspek harga adil, peningkatan pendapatan, kelestarian alam sekitar, keperibadian serta tata kelola yang baik untuk mempertingkatkan dan memperkukuh potensi ekonomi supaya Malaysia menjadi negara yang lebih berdaya saing, mampan dan inklusif. □